

Headline	Jangan pasang bendera pada kabel elektrik		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	23 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	17
ArticleSize	218 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,185		



Pemasangan bendera pada kabel elektrik boleh menyebabkan risiko kemalangan.

Jangan pasang bendera pada kabel elektrik

KOTA BHARU - Jentera parti politik yang bakal bertanding pada PRU14 diingot agar tidak memasang bendera di kabel ataupun konduktor yang berada di puncak tiang elektrik bagi mengelak kejadian tidak diingot daripada berlaku.

Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan, Datuk Yuslan Md Yusoff berkata, ini kerana renjatan elektrik mungkin berlaku ketika pemasangan bendera dilakukan di tiang-tiang elektrik.

"TNB Kelantan turut me-

larang pemasangan bendera di kawasan larangan terutamanya di pencawang elektrik, sesalur atas voltan rendah dan voltan tinggi serta peti pembekal tenaga.

"Ini bagi mengelakkan berulangnya kejadian renjatan elektrik sehingga mengakibatkan kematian kepada dua orang lelaki ketika sedang menggantung bendera di Tanah Merah pada PRU13 yang lalu," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata, TNB Kelantan akan menghubungi wakil parti politik untuk memberi peringatan dan

panduan kepada mereka bagi mengelak sebarang kemalangan akibat renjatan elektrik daripada berlaku.

"Kita akan minta kerjasama daripada parti politik untuk menurunkan bendera jika mereka menggantungnya di tempat yang tidak dibenarkan TNB.

"Selain itu, pihak kami akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa berhubung perkara ini," katanya. - Bernama